

**KONSEP AL-QUWWAH AL-INSANIYYAH MENURUT PERSPEKTIF  
AL-QURAN, KEPENTINGANNYA DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN  
SERTA KESANNYA DI DUNIA INDUSTRI**

DR MOHAMAD HILMI MAT SAID<sup>1</sup>  
PUAN NORSUHAILA MUSA<sup>2</sup>

Abstrak

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Namun menjadi persoalannya sejauh mana falsafah tersebut berjaya diterapkan oleh para Pensyarah dalam sesi Pengajaran dan Pembelajaran mereka. Manakala konsep Pendidikan menurut Islam ialah melahirkan manusia yang mempunyai pendirian dan keyakinan yang kukuh terhadap idealism Islam. Bagi memastikan tercapainya falsafah Pendidikan Negara dan selari dengan kehendak Islam pengkaji merasakan telah tiba masanya konsep *al-Quwwah al-Insaniyyah* menurut perspektif al-Quran diterapkan dan dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran. *Al-Quwwah al-Insaniyyah* bermaksud ciri-ciri keinsanan yang memiliki kekuatan dan kemantapan diri, kesungguhan dan ijtihad yang jitu, keutuhan jati diri, berpengetahuan, bertamadun, mencintai kebaikan, keamanan, bertanggungjawab, rela berkorban, bersiap siaga dalam menempuh cabaran, dugaan dan rintangan yang mendatang. Ia mencakupi seluruh aspek rohani, akal dan emosi serta jasmani sehingga membentuk sahsiah dan peribadi sebagai insan sempurna (insan kamil). Namun realiti hari ini memperlihatkan pelajar di IPT semakin terhakis sahsiah diri mereka. Ini dapat diperhatikan dengan sahsiah diri negatif mereka antaranya seperti hadir lewat ke kelas terutama sesi pagi, berpakaian selekeh, tidak gemar memakai kad matrik sekalipun diwajibkan dan berselipar ketika hadir ke kelas. Kajian ini dijalankan untuk melihat sejauhmana kesan sahsiah diri negatif ini kepada dunia industri di luar sana iaitu tempat yang para pelajar akan menjalani latihan industri.

Kata kunci : *al-Quwwah al-Insaniyyah*, Pengajaran dan Pembelajaran, sahsiah diri

---

<sup>1</sup> Pensyarah kanan di Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan, UMP. hilmi72@gmail.com

<sup>2</sup> Pelajar PhD di Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan, UMP. suhailaskp@gmail.com

## 1. PENDAHULUAN

Konsep *al-Quwwah al-Insa>niyyah* merupakan satu konsep asas yang terdapat di dalam al-Qur'a>n al-Kari>m yang cuba diketengahkan oleh pengkaji. Ia merupakan satu konsep dalam memahami kekuatan manusia berasaskan al-Qur'a>n untuk melahirkan individu yang harmoni, berprestasi, maju, mempunyai kredibiliti yang tinggi, beretika dan berakhlak mulia.

Ini sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w dalam kitab al-Muwatta' Imam Ma>lik .

"و حَدَّثَنِي عَنْ مَالِكٍ أَنَّهُ بَلَغَهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ تَرَكَتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ"

“Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, kamu tidak akan sesat selagi mana berpegang dengan keduanya iaitu Kita>b Allah (al-Qur'an) dan Sunnah Nabi-Nya (al-Hadis)”

Hadis ini menjelaskan bahawa kepentingan elemen al-Qur'a>n dan al-Hadi>s menjadi rujukan kepada ummah manusia agar kehidupan di dunia dan akhirat dilayari dengan bahtera kebenaran. Rasulullah s.a.w meninggalkan dua perkara kepada umatnya setelah kewafatan baginda s.a.w. Iaitu al-Qur'a>n dan al-Hadis yang diperintahkan mereka untuk mengambil, menggenggam erat dan berpegang teguh dengan keduanya sebagai sumber rujukan.

Berpandukan al-Qur'a>n dan al-Sunnah manusia akan beroleh pertunjuk dan perlindungan Allah s.w.t. Mereka akan terpelihara dan memperoleh kejayaan selama berpegang teguh dengan kedua perkara tersebut. Al-Qur'a>n dan al-Sunnah adalah suatu garis panduan kehidupan manusia untuk membantu mereka membezakan antara yang hak dan yang batil. Justeru itu kewajipan untuk merujuk kepada keduanya adalah suatu perkara yang sudah termaklum dalam agama .

## 2. KONSEP AL-QUWWAH AL-INSANIYYAH

Imam al-Ghazali> dalam membicarakan mengenai aspek rohani manusia menegaskan bahawa ia terdiri dari empat komponen dalaman iaitu hati, *ru>h*, jiwa dan akal. Hati umpama raja dan anggota lain adalah rakyat jelata. Situasi hati juga penanda aras penerimaan Allah Ta'a>la kepada amalan makhluknya. Justeru itu bahagianlah hati yang *taqarrub* (hampir) kepada Allah Ta'a>la lalu ia bersih dari kekotoran maksiat. Seorang yang mengenali hatinya maka dia mengenali dirinya, apabila ia mengenali dirinya maka dia mengenali Tuhannya<sup>3</sup>.

---

<sup>3</sup> Al-Ghazali>, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad ibn Muhammad, *Kita>b 'Aja>'ib al-Qalb dalam Ihya>'ulu>m al-di>n*, Damsyiq, Maktabah 'Abd al-Waki>l al-Daru>bi>, J. 3, hlm. 2. Sila lihat Noor Shakirah Mat Akhir, al-Ghazali> and his theory of the soul, Cet. Pertama, Penerbit Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang 2008, hlm. 174.

Ini sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w<sup>4</sup>.

وَأَنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْعَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ

“*Sesungguhnya di dalam diri manusia itu terdapat seketul daging apabila ia baik, baiklah seluruh anggota badan dan apabila ia rosak, rosak seluruh anggota badan ketahuilah ia adalah hati*”

Menurut Imam al-Nawawi> hadis di atas menggesa manusia agar berusaha bersungguh-sungguh menjaga hati dan sentiasa memeliharanya daripada perkara-perkara yang merosakkan. Ini kerana apabila hati telah rosak maka segala amalan tidak bernilai lagi di sisi Allah Ta‘a>la<sup>5</sup>.

Fokus kajian ini ialah untuk menghasilkan konsep-konsep asas *al-quwwah al-insaniyyah* berasaskan al-Qur’an. Maka dengan itu skop kajian ialah menganalisis konsep-konsep asas *al-quwwah al-insaniyyah* menurut al-Qur’an. Pengkaji membahagikan 4 kategori ayat yang membawa konsep *al-quwwah al-insaniyyah* di dalam al-Qur’an iaitu ayat-ayat yang berhubung dengan umat yang terbaik, ayat-ayat yang menunjukkan manusia sebagai khalifah di muka bumi ini, ayat-ayat berhubung dengan maksud *al-insaniyyah* dan ayat-ayat yang menunjukkan *al-quwwah* dalam al-Qur’an yang boleh diertikan bukan sahaja kekuatan luaran bahkan kekuatan dari dalaman (الذاتية). Ini dimulakan dengan mencari maksud *al-quwwah al-insaniyyah* menurut al-Qur’an kemudian menganalisis maksud tersebut dan menjelaskan perbezaannya dengan *al-quwwah al-basyariyyah*.

Selanjutnya pengkaji mengkaji dan menganalisis ayat-ayat al-Qur’an berhubung dengan ciri-ciri keistimewaan manusia dan kelemahannya serta jalan penyelesaiannya dari perspektif al-Qur’an. Berpandukan kepada ayat-ayat tersebut pengkaji cuba mengkaji dan menganalisis mekanisme-mekanisme pembangunan *insaniyyah* menurut al-Qur’an. Walaupun kajian ini menurut perspektif al-Qur’an namun ia tidak akan sempurna tanpa melibatkan hadis-hadis sahih yang berkaitan dan yang menyokong ayat-ayat al-Qur’an tersebut.

Berdasarkan takrifan perkataan *al-quwwah* dan *al-insaniyyah*, pengkaji merumuskan *al-quwwah al-insaniyyah* dari sudut bahasa bermaksud kekuatan keinsanan yang terangkum di dalamnya aspek kekuatan mental, fizikal dan spiritual.

Dari sudut istilah *al-quwwah al-insaniyyah* membawa maksud ciri-ciri keinsanan yang memiliki kekuatan dan kemantapan diri, kesungguhan dan ijhtihad yang jitu, keutuhan jati diri, berpengetahuan, bertamadun, mencintai kebaikan, keamanan, bertanggungjawab, rela berkorban,

<sup>4</sup> Musli>m, 1994, *Sahi>h Musli>m bi Sharh al-Nawa>wi*, Kaherah: Da>r al-Hadi>s, Juzu’ 6, hlm. 31


<sup>5</sup> Ibid, hlm. 33

bersiap siaga dalam menempuh cabaran, dugaan dan rintangan yang mendatang. Ia mencakupi seluruh aspek rohani, akal dan emosi serta jasmani sehingga membentuk sahsiah dan peribadi sebagai insan sempurna (*insan kamil*).

### 3. PENYATAAN MASALAH

Isu permasalahan sosial di kalangan pelajar dan remaja merupakan perkara yang tidak dapat dinafikan dewasa ini. Bermula dari sekolah rendah hinggalah di Institusi Pengajian Tinggi (IPT)<sup>6</sup> tidak sunyi dengan pelbagai jenis kes-kes yang melibatkan permasalahan negatif dari sudut sahsiah dan akhlak. Dengan ini jelas bahawa suatu program yang meningkatkan prestasi pembangunan modal insan berteraskan *al-quwwah al-insa>niyyah* menurut perspektif al-Qur‘a>n amat diperlukan bagi menangani isu-isu di atas.

Ini sebagaimana firman Allah Ta‘a>la dalam surah ‘Ali>-Imr’a>n ayat 110 :



*“Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik, melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji) dan kamu pula beriman kepada Allah s.w.t (dengan sebenar-benar iman). Kalaulah ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka: orang-orang yang fasik”.*

Ayat di atas menyatakan bahawa umat Nabi Muhammad s.a.w merupakan umat yang terbaik. Iaitu umat yang beriman, bertakwa dengan mentaati segala perintah dan larangan Allah s.w.t. dan mereka diciptakan oleh Allah Ta‘a>la untuk memimpin manusia di muka bumi ini. Di antara ciri-ciri umat yang terbaik ini ialah mereka mewarisi tugas para Rasul. Iaitu menyeru manusia agar mengesakan Allah s.w.t, menjauhi kekufuran dan kemusyrikan, beriman kepada para Rasul dengan menerima segala yang disampaikan oleh mereka, percaya, yakin dengan segala kitab yang diturunkan Allah s.w.t. Justeru itu sekiranya ahli kitab di kalangan Yahudi dan Nasrani itu beriman sebagaimana ciri yang disebut di atas, maka itu adalah yang terbaik buat mereka. Di kalangan mereka terdapat yang beriman seperti Abdullah bin Salam dan para sahabatnya namun kebanyakannya masih kekal dengan kekufuran<sup>7</sup>.

<sup>6</sup> Selepas ini pengkaji akan menggunakan istilah IPT singkatan kepada Institusi Pengajian Tinggi.

<sup>7</sup> Al-Fairu>za>ba>di>, Muhammad Bin Ya‘aku>b Bin Fadlu Allah, 2005. *Tanwi>r al-Miqba>s Mi>n Tafsi>r Ibn Abbas*, Cet. Pertama, Beiru>t: al-Maktabah al- ‘As}riyyah, hlm. 74. Ia juga dikenali sebagai Tafsir Ibn Abbas.

Menurut Aishah<sup>8</sup> punca utama masalah sosial yang dihadapi remaja ialah kegagalan mereka menguasai kekuatan asas bagi menghadapi kehidupan beradab. Empat kekuatan asas ialah kekuatan akidah, kekuatan ilmu, kekuatan akhlak dan kekuatan ekonomi<sup>9</sup>.

Manakala permasalahan di kalangan remaja di IPT pula dapat diperhatikan sepanjang 35 tahun kajian bermula dari 1971 sehingga 2006 dilaporkan terdapat 3,818 kes salah laku. Dari jumlah tersebut kes khalwat di kalangan remaja mencatat kes yang paling tinggi sebanyak 735 kes. Selain dari itu kes penyelewengan akademik sebanyak 632 kes, membawa nota sewaktu peperiksaan 270 kes, kesalahan lalu lintas 121 kes dan penyalahgunaan dadah 107 kes<sup>10</sup>.

Di antara isu-isu permasalahan sahsiah diri pelajar di UMP.

- 3.1 Hadir lewat di kelas terutama kelas awal pagi
- 3.2 Rambut panjang
- 3.3 Tidak memakai Kad Matrik
- 3.4 Berselipar ke kelas
- 3.5 Selekeh
- 3.6 Pakaian ketat dan sendat bagi perempuan
- 3.7 Berpasangan (berdua-dua) bukan mahram di kawasan terbuka/gelap

#### 4. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama kajian ini untuk menganalisis konsep-konsep asas *al-quwwah al-insa>niyyah* menurut al-Qur'a>n.

Oleh itu objektif-objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Menganalisis konsep-konsep asas *al-quwwah al-insa>niyyah* menurut al-Qur'a>n.
2. Merumuskan satu konsep-konsep asas modal insan berasaskan al-Qur'a>n.
3. Mencadangkan konsep tersebut diaplikasikan dalam Pengajaran dan Pembelajaran di dalam kelas.
4. Mengutarakan cadangan bagaimana ia boleh dilaksanakan dalam Pengajaran dan Pembelajaran.

#### 5. PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

---

<sup>8</sup> Statistik ini dibentangkan Ketua Penolong Pengarah di Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman oleh Asisten Komisioner (ACP) Aishah Mohamad ketika menyampaikan kertas kerja bertajuk Psikologi/Tingkah Laku Remaja Dari Perspektif Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada Konvensyen Disiplin Murid Peringkat Kebangsaan 03 Ogos 2004 di Kuala Lumpur. Sumber dari Berita Harian 04 Ogos 2004 muka surat B8 Pendidikan.

<sup>9</sup> Ibid.

<sup>10</sup> Berita Harian 28 November 2006.

Proses pengajaran dan pembelajaran adalah interaksi di antara pengajar atau pensyarah dengan pelajar dan pelajar adalah dikalangan seseorang atau sekumpulan orang sebagai pencari dan penerima pelajaran yang diperlukannya, manakala pengajar atau pendidik mahupun pensyarah merupakan seseorang atau sekumpulan orang yang profesionnya sebagai pengolah aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Proses pengajaran dan pembelajaran melibatkan beberapa komponen, iaitu pelajar, pensyarah, objektif pembelajaran, isi pelajaran, kaedah pengajaran, media dan penilaian. Tujuan pembelajaran yang diinginkan seharusnya mencapai tahap yang optimal, untuk itu ada beberapa perkara yang perlu diberi perhatian oleh pensyarah.

### 5.1 Pengajaran

Menurut kajian Wan Zah Wan Ali ( 2000 ) pengajaran sebenarnya mempunyai pelbagai pengertian dan ianya boleh di ketegorkan kepada empat kategori, iaitu pengajaran sebagai :

- a. Menyampaikan maklumat
- b. Memindahkan maklumat
- c. Mendorong pembelajaran
- d. Membina manusia yang lebih baik.

Kajian tersebut menggambarkan pengajaran adalah proses dua hala diantara pensyarah dan pelajar dalam memahami pelbagai pengetahuan yang diperlukan bagi membina manusia sebenar. Penyelidik lain dalam bidang ini Ramsden.1993; Trigwel, Prosser & Lyons, (1997) memahami pengajara sebagai proses bekerja bersama pelajar untuk membantu mereka yang berkebolehan danberkemungkinan untuk belajar. Ia melibatkan usaha mencari dan mengenalpasti salah tafsiran pelajar terhadap sesuatu yang diajarkan, mengambil tindakan untuk memastikan perubahan kefahaman dan mencipta konteks pembelajaran yang berkesan dan berkualiti.

Pengajaran secara keseluruhannya merupakan cara untuk membimbingpelajar bagi memperoleh sejumlah pengalaman yang terbaik dan bermutu.Pelajar perlu dibimbing untuk berfikir dan berusaha untuk mencari pengertianterhadap perkara yang dipelajari.

### 5.2 Pembelajaran

Pembelajaran ialah satu proses yang melibatkan segala perubahantingkah laku akibat dari pengalaman yang berulang, latihan atau interaksi dengan persekitaran. Perubahan ini hendaklah berlaku dalam masa yang agak lama, tekal dan kekal ( **Abdul Rahim M.Ali,2001** ). Pembelajaran biasanya didefinisikan sebagai perubahan individu yang disebabkan oleh pengalaman ( **Salvin, 1997; Mazur, 1990; Rocklin, 1987** ). Pembelajaran melibatkan kaedah baru dalam membuat sesuatu kerja. Ianya berlaku dalam percubaan individu untuk melepasi rintangan atau cuba untuk menyesuaikan diri kepada keadaan yang baru. Menurut **Crow** dan **Crow ( 1983 )**, pembelajaran adalah pemerolehan tabiat, pengetahuan dan sikap.

Apabila seseorang itu terdedah dengan persekitaran kebiasaannya pembelajaran akan berlaku dalam dirinya, ianya bermula dari rangsangan yang diterimanya melalui pancaindera. Rangsangan ini dibawa ke bahagian otak untuk dianalisis, diberi makna dan disimpan sebagai pengalaman. Apabila pelajar atau itu mengeluarkan semula pengalaman itu dalam bentuk yang baru, maka ianya dianggap perubahan tingkah laku. Pembelajaran seseorang itu berlaku apabila terdapat perubahan tingkahlaku yang kekal. Perubahan tingkah laku adalah hasil daripada kefahaman menerima maklumat, latihan, pengalaman, celik akal dan cuba jaya. Pembelajaran merupakan proses yang berterusan berlaku sepanjang hayat secara sedar mahu pun tanpa disedari.


#### 6. KEPENTINGAN KONSEP AL-QUWWAH AL-INSANIYYAH

Berdasarkan perbincangan terdahulu dalam pernyataan masalah dapat dikenal pasti kepentingan-kepentingan kajian ini dilakukan antaranya:

1. Kajian ini juga membuka ruang kepada penerokaan konsep-konsep *al-quwwah al-insaniyyah* atau pembangunan modal insan menurut perspektif al-Qur'an.
2. Kajian ini akan menjadi rujukan kepada pembangunan modul-modul pembangunan sahsiah yang boleh diguna pakai oleh institusi-institusi kerajaan dan swasta. Ianya bertepatan dengan dasar dan falsafah pendidikan negara yang memberi penekanan terhadap melahirkan insan seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI). Ini secara tidak langsung membantu kerajaan dalam membentuk modal insan yang terbilang.
3. Kajian ini dapat menjadi asas kepada program pembangunan modal insan, sahsiah, akhlak dan kemahiran insaniah di IPT khususnya bagi melahirkan mahasiswa yang mampu menghadapi cabaran globalisasi masa kini.
4. Kajian ini penting kerana hasil dapatan dapat menyumbang kepada penambahbaikan modul-modul pembangunan insan yang sedia ada di UMP khususnya dan di IPT lainnya yang tidak berasaskan kepada konsep-konsep *al-quwwah al-insaniyyah* bersumber dari al-Qur'an.
5. Kajian ini dapat membantu misi dan visi Universiti Malaysia Pahang dalam menghasilkan graduan kelas pertama.

## 7. CADANGAN PERLAKSANAAN

### MODEL PEMBANGUNAN INSANIAH AL-GHAZALI



Di antara metodologi cadangan pelaksanaan konsep *al-Quwwah al-Insaniyyah* ini di dalam Pengajaran dan Pembelajaran.

- Menjelaskan kepada pelajar ketika pertemuan dengan pelajar kelas mereka perkara berikut:
- Adab – adab/ akhlak seorang pelajar (amanah)
- Niat belajar
- Tujuan belajar
- Pensyarah diminta menyatakan 3 persoalan asas kehidupan manusia di dunia ini (Siapa kita? Apa tujuan hidup kita? dan kemana kita akan pergi?) berhubung dengan prinsip kehidupan pelajar

7.1 Pensyarah memulakan sesi Pengajaran dan Pembelajaran di dalam kelas dengan menyampaikan tazkirah/sumbang saran (pelajar) yang berkaitan dengan salah satu dari sumber di bawah (cadangan dan galakkan dari mantan TNC Akademik UMP Profesor Badrulhisham Abdul Aziz):

- 7.1.1 Ayat al-Quran dan pengajarannya dengan isu semasa
- 7.1.2 Hadis Rasulullah saw dan pengajarannya dengan isu semasa
- 7.1.3 Kisah tauladan melalui kisah dalam al-Quran atau hadis
- 7.1.4 Motivasi keagamaan



7.1.5 Kata-kata hikmah alim ulama silam Muslim

7.1.6 Kata-kata hikmah bijak pandai Non Muslim namun berkaitan dengan Islam

5.2 Pensyarah menutup majlis dengan mengaitkan topik pembelajaran hari ini dengan menyatakan pengajarannya yang mempunyai kaitan dengan diri pelajar sebagai hamba Allah swt.

## 8. KESAN DI INDUSTRI

## 9. KESIMPULAN

Secara umumnya tidak dapat dinafikan bahawa permasalahan sosial di kalangan remaja pelajar IPT khasnya dan remaja dalam masyarakat amnya semakin hari semakin meningkat dan sangat membimbangkan. Antara punca utama masalah sosial yang dihadapi remaja ialah kegagalan mereka menguasai kekuatan asas bagi menghadapi kehidupan beradab. Empat kekuatan asas ialah kekuatan akidah, kekuatan ilmu, kekuatan akhlak dan kekuatan ekonomi. Manakala faktor lain berlakunya perkara negatif di atas ialah kejutan budaya di kampus. Iaitu daripada persekitaran yang terkongkong di kampung kepada keadaan yang bebas secara tiba-tiba apabila memasuki IPT dan tinggal beramai-ramai di rumah sewa. Selain dari sebab di atas ialah isu kekosongan jiwa remaja yang tiada pengisian positif ketika menuntut di IPT.

Justeru itu bertepatan dengan punca berlakunya permasalahan sosial ini tidak dapat disangkal lagi bahawa perlunya wujud program yang berkaitan dengan konsep pembangunan insan. Ini perlu supaya program pembangunan insan berasaskan kepada konsep-konsep yang menyeluruh dan menepati kehendak fitrah manusia itu sendiri.

Maka dengan itu kajian ini adalah satu usaha untuk mengkaji konsep-konsep asas al-quwwah al-insaniyyah berdasarkan al-Qur'an. Al-quwwah al-insaniyyah membawa maksud kekuatan keinsanan iaitu memiliki kekuatan dan kemantapan diri, kesungguhan dan ijtihad yang jitu, keutuhan ciri-ciri keinsanan, berpengetahuan, bertamadun, mencintai kebaikan, keamanan, bertanggungjawab, rela berkorban, bersiap siaga dalam menempuh cabaran, dugaan dan rintangan yang mendatang. Ia mencakupi seluruh aspek rohani, akal dan emosi serta jasmani sehingga membentuk sahsiah dan peribadi sebagai insan sempurna (insan kamil).

## 10. RUJUKAN

### 1. AL-QURAN AL-KAREEM

Abdullah Bin Muhammad Basmeih (2000) Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran, Cet. 11, Kuala Lumpur: Darul Fikri

### 2. Buku

Abd al-Latif Yusuf (1998) Zubdah al-Mufrada lil Tholib Wa Tholiba. Cet. Pertama, Beirut: Dar al-Ma'arif.

Abd Rahman bin Ahmad (2006) Pembangunan Modal Insan Apa dan Kenapa perlu dalam konteks Organisasi di Malaysia. Human Resource Academy.

Abd Rahman Bin Ahmad, 2006. Pembangunan Modal Insan Apa dan Kenapa perlu dalam Konteks Organisasi di Malaysia. Cet. pertama. Langga. Human Resource Academy, Ahmad Mukht}ar Abd al-Hami>d Umar, 2008, Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'a>sarah, 'A<lim al-Kutub.

Aishah Mohamad (2004) Psikologi/Tingkah Laku Remaja Dari Perspektif Polis Diraja Malaysia (PDRM). Kertas Kerja Konvensyen Disiplin Murid Peringkat Kebangsaan, 3 Ogos 2004 di Kuala Lumpur.

Al-'Asqala>ni>, Ahmad bin Ali bin Hajar, 1379H. Fath al-Ba>ri> Sharh Sahi>h al-Bukhari>, Ta'li>q Abd Al-'Azi>z bin Abdullah bin Ba>z, Beiru>t: Da>r al-Ma'rifah.

Al-'Usaimi>n, Muhammad bin Sole>h, 1426, Sharh R {iyad} al-S {olihi>n, Cet. Umum, Saudi Arabia.

Al-Alba>ni>, Nas }ir al-Di>n, 1420H, S {ah }i>h } al-Ja>mi>' al-Saghi>r wa Ziya>da>tuhu, al-Maktab al-Isla>mi>.

Al-Bukhari>, Muhammad bin Ismail Abu Abd Allah, 1422H. Al-Jami>' al-Musna>d al-Sahi>h al-Mukhtas }ar Min 'Umuri Rasulullah s.a.w wa Sunnatihi wa Ayyamihi (Sahi>h al-Bukhari>), Cet. Pertama, Tahqiq Muhammad Zuhair bin Na>sir al-Na>sir, Sharah wa Ta'li>q Must }afa al-Bugha>, Da>r T {u>q al-Naja>h.

Al-Bukhari>, Muhammad Bin Ismail, 1422H, S {ah }i>h } al-Bukhari>, Cet. Pertama, Tah }qi>q, Muhammad Zuhair Bin Nasir al-Nasir, Da>r Tu>q al-Najah.

Al-Fairu>za>ba>di>, Muhammad bin Ya'ku>b bin Fadhlullah (2005) Tanwi>r al-Miqba>s Min Tafsi>r Ibn Abbas. Cet. Pertama, Beiru>t: al-Maktabah al-'Asriyyah.

Al-Ghazali>, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad ibn Muhammad, Kita>b 'Aja>'ib al-Qalb dalam Ihya>' 'ulu>m al-di>n, Damsyiq, Maktabah 'Abd al-Waki>l al-Daru>bi>.

Al-H {anbali>, Abd al-Rahman Bin Ahmad Bin Rajb, 2001, Jami>' al-'Ulu>m wa al-H {ikam Fi> Sharh } Khamsi>na Hadithan Mi>n Jawa>mi>' al-Kalim, Cet. Tujuh. Tah }qi>q : Shu'ib al-Arna>'u>t, Beiru>t: Mu'assasah al-Risa>lah.

Al-H {anbali>, Abd al-Rahman Bin Ahmad Bin Rejab, 1996, Fath al-Bari> Sharh } Sah }i>h } al-Bukhari>, Cet. Pertama, Tah }qi>q : Muhammad Bin Sya'ban , Majdi Bin Abd al-Khaliq dll, Kaherah : Maktab Tah }qi>q Da>r al-H {aramain.

Ali Bin (Sult }an) Muhammad (2002), Murqa>t al-Mafa>ti>h Sharh Mishka>t al-Mas }a>bi>h. Cet. Pertama, Beiru>t: Da>r al-Fikr.

Al-Mahalli>, Jala>luddin Muhammad ibn Ahmad dan Al-Sayu>t } {i>, Jala>luddin Abd al-Rahma>n ibn Abi Bakr (1999) Tafsi>r al-Jala>lain, Kaherah: Da>r al-Tauzi>' wa al-Nas }r al-Islamiyyah.

Al-Mana>wi>, Abd al-Rau>f, 1356H, Fi>d } al-Qadi>r Sharh } al-Ja>mi>' al-S {aghi>r, Cet: Pertama, Mi>sr : al-Maktabah al-Tija>riyyah al-Kubra.

Al-Mara>ghy>, Ahmad Mustafa>, 2001, Tafsi>r al-Mara>ghy> . Terj. Muhammad T {alib. Cet. 1. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Al-Mifta>h, 2008, cet. 2, Selangor: al-Azhar Media Entreprise, Shah Alam.

Al-Misba>h al-Mun>ir, cet. 2. Mesir: Da>r al-Ma'a>rif

Al-Muba>rakpu>ri>, 'Ubaid Allah Bin Muhammad, 1984, Mir'a>t al-Mafa>ti>h } Sharh } Mishka>t al-Mas }a>bi>h, Cet: Ketiga, Ida>rat al-Buh }uth wa al-Da'wah wa al-Ifta>'.

- Al-Muba>rakpu>ri>, Muhammad Abd al-Rahman Bin Abd al-Rahi>m, t.th, Tuh}fat al-Ah}wazi> bi Sharh Jami>' al-Tirmizi>, Beiru>t: Da>r al-Kutub al-Ilmiyyah
- Al-Muba>rakpu>ri>, Muhammad Abd al-Rahman bin Abd al-Rahim, t.th. Tuhfat al-Ahwazi> bi Sharh Jami>' al-Tirmizi>, Beiru>t: Da>r al-Kutub al-'Alamiyyah.
- Al-Munji>d Fi > Lughah wa al-A'lam, Beirut: Da>r al-Masriq,  
Al-Nawawi>, Abu Zakariyya Mahyuddin Yahya bin Sharaf (1392H) al-Manha>j Sharh Sahi>h Muslim . Cet. Ke-2. Beiru>t: Dar Ihya>'al-Tura>s al-'Arabi>
- Al-Nawawi>, Abu> Zakaria Mahyuddin Yahya bin Sharaf, 1392H, al-Minha>j sharh Sahi>h Muslim bin Haja>j, Cet. ke-2, Beiru>t: Da>r Ihya>' al-Tura>th al- 'Arabi>.
- Al-Nisa>bu>ri, Muslim bin Haja>j Abu> al-Hasan al-Qusyairi>, t.th. Al-Musnad al-Sahi>h al-Mukhtas}ar bi Naql al-'Adl 'An al- 'Adl Ila Rasulillah s.a.w (Sahi>h Muslim), Tahqi>q Muhammad Fu'ad al-Baqi>, Beiru>t: Da>r al-Ihya>' al-Tura>th al-Arabi>,  
Al-Qazwi>ni>, Muhammad Bin Yazid>d, t.th, Sunan Ibn Ma>jah}, Tah}qi>q : Muhammad Fu'a>d Abd al-Ba>qi>, Da>r Ih}ya>' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Al-Qurtubi>, Abu Abdillah Muhammad bin Ahmad al-'Ans}a>ri (1994) al-Ja>mi>' Li al-'Ahka>m Li al-Qur'a>n, Beirut: Da>r al-Fikri>.
- Al-Qurtubi>, Abu Abdillah Muhammad bin Ahmad al-'Ans}a>ri (2005) al-Ja>mi>' Li al-'Ahka>m Li al-Qur'a>n, Cet. Pertama, Kaherah: Maktabah al-S{afa>.
- Al-Ra>zi>, Fakhrudin (1990) Tafsi>r al-Kabi>r, Cet. Pertama, Beiru>t: Da>r al-Kutub al-'Alamiyyah
- Al-Ra>zi>, Fakhrudin, 1990, Tafsi>r al-Kabi>r. Cet.1, Beirut: Da>r al-Kutub al- 'Alamiyyah.
- Al-Sa'di>, Abd al-Rahma>n bin Na>s}ir , 1994. Taisi>r al-Kari>m al-Rahma>n. Beirut: 'Alim al-Kita>b, hlm. 164-165
- Al-Sa'di>, Abdul Rahman bin Nasir (1994) Taisi>r al-Kari>m al-Rahma>n, Beirut: 'Alim al-Kita>b.
- Al-Sanadi>, Muhammad Bin Abd al-H{adi>, t.th, Kifa>yah al-H{ajah} Fi> Sharh}} Sunan Ibn Ma>jah}, Beiru>t: Da>r al-Ji>l
- Al-Shaiba>ni, Ahmad Bin Muhammad Bin Hanbal, 2001, Musnad al-Imam Ahmad Bin Hanbal, Cet: Pertama, Tah}qi>q : Shuib al-Arnu>t}, Muassasah al-Risalah.
- Al-Sijasta>ni>, Sulaiman Bin Al-Ash'ath, t.th, Sunan Abi Dau>d, Tah}qi>q: Muhammad Abd al-Hami>d, Beiru>t: Al-Maktabah al-'As}riyyah.
- Al-T{ab}ra>ni>, Takhri>j 'aha>dis al-'Ihya>', Hadis ini di takhri>j oleh al-Tab}ra>ni> dalam Kita>b al-'Awsa>t}, daripada hadis Abi> Ima>mah dan Abu> Ni'am daripada hadis 'A'isyah dengan dua sanad yang lemah. Lihat juga al-T{abrani, al-Mu'jam al-Awsat}, juzu' 7, hlm. 190 dan al-T{abrani, al-Mu'jam al-Kabi>r, .
- Al-T{abari>, Abu Ja'afar Muhammad ibn Jari>r (2000) Tafsi>r al-T{abari>. Kaherah: al-Maktabah al-Taufiqiyyah.
- Al-T{abari>, Muhammad Bin Jari>r, 2001, Tafsi>r al-T{abari>, Cet. Pertama, Tah}qi>q: Abd Allah Bin Abd al-Muhsin al-Turki>, Da>r H{ijr Li T{aba>'ah wa al-Nashr wa al-Tauzi>' wa al-I'la>n
- Al-T{abra>ni>, Sulaiman Bin Ahmad, t.th, al-Mu'jam al-Kabi>r, Cet. Kedua, Tah}qi>q: H{amdi> Bin Abd al-Maji>d al-Salafi>, Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyyah.
- Al-T{abra>ni>, Sulaiman Bin Ahmad, t.th, al-Mu'jam al-Awsat}, Tah}qi>q: T{ariq Bin 'Iwad Allah dan Abd al-Hasan Bin Ibrahim al-Husaini>, Kaherah: Da>r al-H{aramain.
- Al-T{o>hir Ahmad al-Ra>zi>, Tartib al-Ka>mus al-Muhi>t, juzu' 3, cet. 3, Dar al-Fikr

- Al-Tabari, Abu Jaafar Muhammad bin Jarir, 2004. Tafsir al-Tabari, Tahqiq Hani al-Hajj, Kaherah: al-Maktabah al-Taufiqiyah,
- Al-Tirmizi, Muhammad bin Isa bin Surah bin Musa bin al-Dahhak, Abu Isa, 1975, Sunan al-Tirmizi, Cet. Kedua, Tahqiq, Ahmad Muhammad Syakir, Muhammad Fuad Abd al-Baqi dan Ibrahim Atwah, Misr: Syarikat Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi
- Al-Tirmizi, Muhammad Bin Isa, 1975, Sunan al-Tirmizi, Cet: Kedua, Tahqiq: Ahmad Muhammad Shakir wa Muhammad Fu'ad Abd al-Baqi, Misr: Sharikat Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Al-Zuhaili, Wahbah (1991) al-Tafsir al-Muni fi al-'Aqidah wa al-Syariat wa al-Manhaj, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Danial Zainal Abidin, 2007, Qur'an Saintifik Meneroka Kecemerlangan Qur'an daripada Teropong Sains, Selangor: Penerbit PTS Millennia Sdn. Bhd
- Hamka, Abdul Malik Abdul Karim, 1990. Tafsir al-Azhar, Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD
- Hamka, Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (1990) Tafsir al-Azhar. Cet. Pertama. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD.
- Hasan al-Banna, 2008, Majmu'atun Rasail, cet. Keempat, terj. Khozin Abu Faqih, al-I'tisom, Jakarta. 3 jilid
- Hassan Langgulung (t,th) Kaunseling Dalam Islam. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Kaunseling dalam Masyarakat Islam.
- Ibn al-Athir, Abu al-Sa'ad al-Mubarak bin Muhammad bin Muhammad bin Muhammad ibn Abd al-Karim al-Shibani, t.th, Jami' al-'Usul Fi 'Ahadith al-Rasul, Cet. Pertama, Tahqiq: Abd al-Qadir al-Arnaut, Maktabah al-Hilwan.
- Ibn Hajar al-'Asqalani, Ahmad bin Ali, 1397H, Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari, Beirut: Dar al-Ma'rifah
- Institusi Kefeloan Universiti Malaysia Pahang, 2008, Program Rakan Siswa (RAKSI) edisi fasilitator, Cet. Pertama, Kuantan: Universiti Malaysia Pahang.
- Muhammad Nubli Bin Abdul Wahab, 2005, Panduan Program Soft Skills, Cet. Pertama, Kuantan: Universiti Malaysia Pahang.
- Jabatan Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi, 2006, Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia, Cet. Kedua, Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad Nur Matutu, 2009, Dua Kalimah Syahadah, Makkah al-Mukarramah.
- Ibn Kathir, 1995, Tafsir al-Qur'an al-A'zim. Dar Ihya' al-Turas al-'Arabi, hlm. 108
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Ismail bin Kathir (1998) Tafsir al-Qur'an al-Azim, Damsyiq: Maktabah Dar al-Faiha'.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukram (1990) Lisahn al-'Arab. Cet. Pertama, Beirut: Maktabah Dar al-Fikr.
- Ibn. Manzur, Abu al-fadhl Jamal al-din Muhammad bin Mukram al-Afriki al-Misri, 1990, Lisahn al-'Arab. Beirut: Maktabah Dar al-Fikr, hlm. 207.
- Ibrahim Madkur, t.th. al-Mu'jam al-Wasit, cet. 3, Mesir: Dar 'Umran, hlm. 30
- Institut Kefeloan UMP JHEPA (2008) Modul Program Rakan Siswa (RAKSI) edisi fasilitator. Gampang: Penerbit UMP.
- Jabatan Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006) Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. Cet. Kedua, Serdang: Penerbit Universiti Putera Malaysia.

- Jama> 'ah min Kubba>r al-Lughawiyi>n al- 'Arab. 1989. Al-Mu'jam al-'Arabi al-Asa>si. Larrousse. Tunisia.
- Rohi> al-Ba'albaki. 1993. Al-Mawrid, kamus Arab-Inggeris. Cet. 5. Beirut: Da>r al- 'Ilm Lil-Malayi>n.
- Muni>r al-Ba'albaki. 1996. Al-Mawrid, kamus Inggeris-Arab. Cet. 30. Beirut: Da>r al- 'Ilm Lil-Malayi>n.
- Abd al-Latif Yusof. 1998. Zubda>h al-Mufrada>t lil-T{ulla>b wa T{oliba>t. Cet. 1. Beirut: Da>r al-Ma'arifah.
- A S Hornby. 2005. Oxford Advance Learners Dictionary. Edisi 7. Oxford University Press.
- Muslim bin Hajaj, t.th Sahi>h Muslim, Da>r Ihya>' al- Turas al-'Arabi.
- Al-Nawawi>, Abu Zakaria Mahyuddin Yahya bin Sharaf 1994. Sahi>h Muslim bi sharh al-Nawa>wi>. Cet. Pertama, Kaherah: Da>r al-Hadi>s, hlm. 467. Sila lihat, al-Nawawi>, 1392H.
- al-Manha>j Sharh Sahi>h Muslim bin al-Haja>j, Cet. ke-2, Beiru>t: Da>r 'Ihya>' al-Tura>s al-'Arabi>.
- Al-Nisaburi, Muslim bin al-Hujaj al-Qushairi 1995. Sahi>h Muslim. cet. 1, Dar al-Kitab al-A'lamiah, Beirut, Lubnan,
- Jama>'ah Mi>n Kubba>r al-Lughawiyi>n al-'Arab (1989) Al-Mu'jam al-'Asa>si> al-'Arabi>. Larrousse, Tunisia
- Johan C. Karremans, Thijs Verwijmeren, Tila M. Pronk, and Meyke Reitsma. Interacting women can impair men's cognitive functioning. Journal of Experimental Social Psychology, 45(4):1041–1044, July 2009.
- Jumu'a>t 'Ami>n 'Abdul 'Aziz, 1995, Al-Taghyi>r ala Minha>j al-Nubuwwah, Da>r al-Da'wah. Iskandariah, Mesir.
- Kamus al-Miftah (2008) Cet. Ke-2, , Shah Alam: Al-Azhar Entreprise, Selangor.
- Majalah Gen Q, tajuk Jangan tunggu kuasa untuk berjasa oleh Pahrol Mohamad Juoi, isu no 7. Majma' al-lughah al-'Arabiyah.1989. Al-Mu'jam al- Wasi>t. J. 1,Istanbul: Da>r al-Da'awah. Istanbul.
- Malik Bin Anas (2004) Al-Muwatta'. Tahqi>q Muhammad Must}afa al-'A'az}ami>, Cet. Pertama, Abu Dhabi: Muassasah Zaid Bin Sultan.
- Margo Wilson, Martin Daly. Do pretty women inspire men to discount the future? The Royal Society Biology Letters. May 2004.
- Muhammad Asraf Bin Ameer, 1415H, 'Aun al-Ma'bu>d Sharh} Sunan Abi> Dau>d, Cet: Kedua, Beiru>t: Da>r al-Kutub al- 'Ilmaniyyah.
- Muhammad Bin H{ibban, 1988, Al-Ih}sa>n Fi> Taqri>b S{ah}i>h} Ibn H{ibban, Cet. Pertama, Beiru>t: Mu'assasah al-Risa>lah
- Muhammad Fuad bin Abd al-Baqi> (2003) Sharh al-Zarqa>ni> 'ala al-Muwatta'. Tahqi>q T{aha Abd al-Rau>f Sa'ad. Cet. Pertama, Kaherah: Maktabah al-Asaqafah al-Dinniyyah.
- Muhammed Hasan al-Khamsiy, Faharis Ka>milah lil-Mawadi wa al-alfa>z, Beirut: Da>r al-Rasyid, Damsyik,
- Munji>d al-T{ulla>b, cet. 15, Beirut: Da'r al-Masriq, hlm 15.
- Muslim bin al-Hajaj (t.th) al-Musnad al-Sahi>h al-Mukhtasar bi Naql al-'Adl 'an al-'Adl ila Rasulullah s.a.w. Tahqi>q Muhammad Fuad bin Abd al-Baqi>, Beiru>t: Da>r Ihya>' Turas al-'Arabi>
- Noor Shakirah Mat Akhir, al-Ghazali> and his theory of the soul, Cet. Pertama, Penerbit Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Musli>m, 1994, Sahi>h Musli>m bi Sharh al-Nawa>wi, Kaherah: Da>r al-Hadi>s.

Nor Hayati Hj. Alwi (2002) Pembentukan Model Pembangunan Insan Kamil Dalam Pengajaran Sains. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Norhayati Hj. Alwi (2006) Menjana Sumber Manusia Ke Arah Kecemerlangan Tamadun Islam Semasa. Prosiding Seminar Tamadun Islam Tentang Pembangunan Modal Insan

Othman Lebar (2006) Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

PDRM (2012) Perangkaan Penglibatan dan Tangkapan Juvenil Jenayah Kekerasan dan Harta Benda bagi Tahun 2007 hingga 2011 (Januari-Oktober) dilaporkan oleh Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur.

Program Latihan Khidmat Negara (2009) Modul Kebudayaan, Keagamaan dan Peranan Lelaki dan Perempuan. Kuala Lumpur: Starza Sdn. Bhd.

Sa'idi Hawwa, t.th. al-Mustakhlaf fi Tazkiyah al-'Anfus, Beirut: Dar 'Ammar.

Muhammad Bin Abd al-Hadi al-Tatwi Abu al-Hassan, Nur al-Din al-Sanadi, t.th., Kifayah al-Hajjah fi Sharh Sunan Ibn Majah, Beirut: Dar Jil.

Ibn Majah Abu Abdullah Muhammad bin Yazid al-Qazwini, t.th. Sunan Ibn Majah,

Tahqiq: Muhammad Fu'ad Abd al-Baqi, Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.

Ibn Hibban, Muhammad bin Hibban bin Mu'adz bin Ma'abad, al-Tamimiyah, 1988, Al-Ihsan fi Taqrib Sahih Ibn Hibban, Cet. Pertama, Tahqiq: Shu'ayb al-'Arnu', Beirut:

Mu'assasah al-Risalah.

Al-Hanbali, Abd Rahman bin Ahmad bin Rajab bin al-Hasan, 2001, Jam' al-'Ulum wa al-Hikam fi Sharh Khamsin Hadi-san Min Jawa'mi' al-Kalam, Cet. Ketujuh, Tahqiq:

Shu'ayb al-'Arnaut, Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

Abu Abdullah Ahmad Bin Muhammad bin Hanbal, 2001, Musnad Al-Imam Ahmad Bin Hanbal, Cet. Pertama, Tahqiq: Shuaib al-Arnut. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

Muhammad Idris al-Marbawi, 1350H, Kalam al-Marbawi, Arabi -Melayuwi, Cet.

Keempat, Misr: Mustafa al-Babi al-Halabi wa 'Auladuh Bi Misr.

Al-Mandi, Abd al-Qadir Bin 'Abd al-Mutalib, t.th. Penawar Bagi Hati, Thailand:

Mahab Bin Halabi

Ibn Qayyim al-Jauziyyah, Abi Abdullah Muhammad bin Abi Bakr al-Zar'i al-Damsyiqi, 1993, al-Daw' wa al-Dawa' 'Au al-Jawab al-Kafi fi Man Sa'ala 'An al-

Dawa' al-Shafi, Cet. Pertama, Tahqiq: Yusuf Ali Budaiwi, Beirut: Dar Ibn Kathir.

Al-Manawi, Muhammad, Abd Rauf bin Taj al-Arifin bin Ali, 1356. Fidh al-Qadir Sharh al-Jami' al-Saghir, Cet. Pertama, Misr: al-Maktabah al-Tijarah al-Kubra.

Al-Hakim, Abu Abdullah, Muhammad bin Abdullah bin Muhammad bin Hamadawiyah, 1990.

Al-Mustadrak 'Ala al-Sahihaini, Cet. Pertama, Tahqiq: Mustafa 'Abd al-Qadir al-Ati', Beirut: Dar al-Kutub al-'Alamiyyah.

Kementerian Kebudayaan, Kesenian, dan Warisan Malaysia (KEKKWA), 2007. Buku Panduan Budi Bahasa Budaya Kita. Cet. 3, Aslita Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.

Stephen R. Covey, 2007, Tujuh tabiat orang yang amat berkesan, cet. 13, terj. Leo Ann Mean, Prentice Hall Pearson, Petaling Jaya.

Syed Qutb 1997, Fi Zilal al-Qur'an. Cet. 27. Beirut: Dar al-Syuruq, hlm. 2304

Tunku Sarah bt. Tunku Mhd Jiwa (1997) Pembinaan Model Penerapan nilai dalam Pengajaran di Institut Pengajian Tinggi (IPT). Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Unit Soft Skills Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang

(2005) Panduan Program Soft Skills UMP, Cet. Pertama, Kuantan: Penerbit Universiti Malaysia Pahang.

Wahbah al-Zuhaily. 1991, al-Tafsi>r al-Muni>r fi al-‘Aqidah wa al-Syari‘ah wa al-Manha>j, Dar al-Fikri, Damsyik, Syiria.

Yahaya Ibrahim dan Abd Hair Awang (2008) Pembangunan Modal Insan Isu dan Cabaran, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia

Zainuddin Abdul Rahman bin Ahmad bin Rajb, 1996. Fath al-Bari> Sharh Sah>ih Bukhari> Sharh. Cet. Pertama, Tahqi>q, Mahmud bin Sya‘aban bin Abd al-Maqs }ud, Madinah: Maktabah al-Ghuraba’ al-Athariyyah,